

30 NOV 1999

P/Raya-Johor (Fokus)

RAMALAN PEMBANGKANG MELESET, BN SAPU BERSIH DI JOHOR

JOHOR BAHRU, 30 Nov (Bernama) -- Ramalan yang dibuat oleh parti pembangkang bahawa mereka akan memenangi beberapa kerusi di Johor ternyata meleset apabila Barisan Nasional (BN) menyapu bersih kesemua 20 kerusi parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum ke-10.

Kemenangan mutlak BN di Johor sekali gus menunjukkan bahawa BN tetap teguh di selatan semenanjung, tempat lahirnya Umno pada 1946.

Pencapaian yang diperolehi BN di Johor adalah sesuatu yang amat membanggakan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengadakan persidangan video dengan Datuk Abdul Ghani Othman, malam tadi, juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar Johor itu.

"Terima kasihlah Johor kerana memperolehi kecemerlangan," kata Dr Mahathir.

Kemenangan 100 peratus di Johor bukan sahaja menyumbang kepada BN memperolehi lebih dua pertiga majoriti di parlimen malahan kejayaan itu merupakan yang kedua berturut-turut di Johor dalam pilihan raya umum.

Pada 1995, BN menang dengan jumlah kerusi yang sama. Ketika itu, BN merampas tiga kerusi DUN yang diwakili DAP iaitu Jementah, Bekok dan Maharani.

Sejak itu, ketiga-tiga kerusi berkenaan menjadi idaman DAP dan pada pilihan raya umum kali ini, mereka yakin dapat memenanginya. Bukan sahaja mereka tidak berhasil malahan majoriti yang diperolehi calon BN di ketiga-tiga kawasan itu juga tinggi.

Di Jementah, misalnya, Gan Lian Keng yang mempertahankan kerusi itu menang dengan majoriti 4,312 undi dalam satu-satunya pertandingan tiga penjurong di Johor. Calon DAP Wong Ah Chin mendapat 7,724 undi manakala Tan Thian San dari Parti Demokratik Malaysia (MDP) 543 undi.

Tan Kok Hong masih kekal di Bekok. Dia menewaskan Ong Ching Ping dari DAP dengan majoriti 5,784 undi manakala calon BN yang juga muka baru di Maharani, Lau Yew Wee menewaskan Pengerusi DAP Johor, Pang Hok Lion.

Lau mendapat 12,225 undi manakala Pang 9,413 undi.

Jika dilihat daripada segi sejarah politik di Johor, hanya DAP yang mampu memberi saingan dan pernah menang sama ada kerusi DUN atau parlimen manakala parti pembangkang lain dalam barisan itu ibarat "mimpi di siang hari."

"Kekalahan parti pembangkang di Johor ialah kerana mereka tidak membawa sebarang agenda yang boleh meyakinkan rakyat," kata Abdul Ghani, yang mengekalkan kerusi DUN Serom bagi kali kedua, hari ini.

Abdul Ghani mengakui bahawa ceramah-ceramah yang diadakan oleh Barisan Alternatif terdiri daripada DAP, PAS, Parti Keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) di Johor sebelum ini berjaya menarik minat ramai.

"Memang betul ramai yang hadir tetapi mereka sekadar untuk mengambil tahu. Rata-rata rakyat Johor tidak terpengaruh," kata beliau.

Empat orang menteri dan tiga timbalan menteri yang bertanding di Johor juga memperolehi kejayaan yang baik.

Mereka ialah Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (Labis), Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin (Pagoh), Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar (Kota Tinggi) dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng (Bakri).

Timbalan-timbalan menteri pula ialah Datuk S.Subramaniam (Segamat),

Datuk Ong Ka Ting (Pontian) dan Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Tenggara).

Pada pilihan raya umum ke-10, DAP meletakkan tujuh calon, Keadilan enam, PAS lima dan PRM dua calon bagi kerusi parlimen. Kerusi DUN pula menyaksikan 22 calon dari PAS, sembilan dari DAP, lima dari Keadilan, tiga calon PRM dan satu MDP.

-- BERNAMA

MKO AKD